

Integriti, etika bukan sekadar cakap mulut

B.H 28/04/08 NALS 8

Oleh Dr Zaini Ujang

SUATU malam, anak lelaki Khalifah Umar Abdul Aziz datang ke pejabatnya. Sebelum memulakan perbincangan, Umar terlebih dulu bertanya sama ada tujuan kedatangan anaknya itu atas urusan kerajaan atau peribadi. Jawab anaknya, peribadi. Tiba-tiba Umar memadamkan lampu di kamar itu kerana kemudahan itu dibiayai kerajaan.

Kisah itu wajar difahami, dihayati dan dijadikan pedoman kepada setiap pihak betapa integriti dan etika perlu menjadi asas urus tadbir sesebuah institusi. Kita boleh saja berhujah bahawa tidak praktikal menggunakan dua lampu, satu milik kerajaan dan sebuah lagi milik peribadi untuk mengamalkan integriti, apatah lagi dalam persekitaran moden menggunakan tenaga elektrik.

Namun demikian, pengajaran kisah Umar dan anaknya itu jelas iaitu integriti atau boleh dipercayai dalam menjaga harta negara. Integriti meletakkan amanah dan tanggungjawab mengatasi kepentingan peribadi atau keluarga, kelompok atau jawatan. Sementara etika pula menggariskan nilai murni bersifat sejagat seperti ikhlas, murah hati, amanah, tekun, jujur, hormat, adil dan ihsan yang perlu dihayati tanpa menjejaskan kepentingan awam apatah lagi mengaut keuntungan peribadi.

Inilah antara inti pati ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika merasmikan Dialog Integriti Asean 2008 pada 21 April lalu. Katanya, integriti dan etika adalah ciri kritikal sebagai kayu ukur dalam pembangunan sesebuah masyarakat. Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan empat inisiatif baru

memulihkan tahap integriti membabitkan penstrukturan semula agensi Badan Pencegah Rasuah (BPR), kaedah pengukuatkuasaan, rangka kerja undang-undang dan kaedah pemerolehan awam.

Memang inisiatif itu ditunggu-tunggu untuk memulihkan persepsi awam terhadap amalan rasuah di Malaysia. Tahun lalu, Malaysia menduduki tangga ke-44 daripada 180 negara dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh Transparency International.

Inisiatif yang diumumkan itu juga diharapkan dapat menjawab pelbagai persoalan berhubung sejauh mana proses itu perlu dilaksanakan tanpa mengorbankan integriti dan etika. Kita juga mengharapkan inisiatif urus tadbir lebih telus, perundangan dan pendidikan formal khususnya menerusi seminar dan forum menerusi pelbagai media membabitkan seluruh lapisan masyarakat, termasuk ahli politik dan pemimpin kerajaan, dapat memupuk budaya masyarakat menghayati integriti dan etika pada tahap terbaik.

Penstrukturan semula BPR menjadi Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia (SARM) dijangka dilakukan tahun ini mengikut model Hong Kong yang dibentuk sejak 1974. Model itu telah berjaya menjadikan negara tersebut antara 'terbersih' di dunia dalam konteks pembendungan rasuah menggunakan pendekatan serampang tiga mata merangkumi operasi, pencegahan dan pendidikan awam lebih efektif.

Setiap pihak khususnya kelompok prihatin wajar menyokong inisiatif itu untuk mengurangkan kecenderungan dan amalan rasuah. Selain itu, kita juga perlu membantu meningkatkan kefahaman dan penghayatan umum terhadap isu berkaitan rasuah, integriti dan etika. Pada hemat saya,

masih wujud kekeliruan dalam banyak hal, khususnya membabitkan skop, sebab dan akibat, risiko dan kaedah menangani permasalahan ini. Kekeliruan itu adalah antara faktor utama menyebabkan banyak inisiatif lalu tidak begitu besar impaknya.

Kekeliruan berlaku disebabkan kepelbagaian definisi dan konsep. Apakah rasuah hanya membabitkan sogokan dalam bentuk wang dan kedudukan? Apakah kelemahan integriti akan berakhir dengan penyelewengan dan rasuah? Kalaulah integriti adalah teras, apakah kayu pengukurannya? Apakah ketidakcekapan dan kelewatan melaksanakan sesuatu tugas juga termasuk dalam konteks kelemahan integriti dan tergolong dalam kategori penyelewengan?

Persoalan ini perlu dijawab segera bagi membolehkan orang ramai tidak keliru dengan inisiatif membasmi rasuah dan meningkatkan integriti. Pada hemat saya, banyak jawapan dan ulasan diberikan lebih cenderung bersifat perundangan sebagaimana di dalam akta dan pekeliling. Bagi membolehkan kefahaman tinggi kemudian penghayatan, kita memerlukan penjelasan dari pelbagai aspek dengan dokongan ilmiah. Hal ini perlu ditangani menggunakan pendekatan 'inside-out paradigm' membabitkan idealisme, asas ilmu, epistemologi, gagasan dan falsafah hidup.

Pendekatan menyeluruh dan bersepadu ini memberi kesan lebih ketara kepada usaha membudayakan amalan yang mendokong integriti dan etika. Aspek budaya dan pandangan hidup masyarakat juga perlu dikaji dengan mendalam. Ada baiknya kita meletakkan semua inisiatif tersebut dalam konteks budaya dan amalan murni sedia ada dalam masyarakat Malaysia dan tidak seharusnya terpisah daripada gaga-

san pembangunan ummah dan pembinaan modal insan minda kelas pertama.

Kita juga perlu kembali kepada ajaran agama, asas budaya dan sistem nilai sendiri, demikian ucapan Perdana Menteri dalam majlis itu. Maknanya, pendefinisian dan kaedah membangunkan budaya integriti perlu diasaskan kepada tapak kukuh yang telah sedia ada dalam diri dan masyarakat tempatan. Dalam hal ini, banyak dasar kerajaan sedia ada boleh digabung jalin seperti Islam Hadhari.

Ajaran Islam sinonim dengan integriti dan etika sebagaimana kisah Khalifah Umar Abdul Aziz. Islam menetapkan integriti perlu dihayati pada semua peringkat, termasuklah di kalangan pemimpin. Ketika zaman pemerintahan Saidina Umar integriti menjadi budaya seluruh lapisan masyarakat. Umar pernah menguji seorang budak pembegala kambing supaya menjual salah seekor kambing tanpa pengetahuan tuannya. Pembegala itu tegas menjawab; "Tuhan tahu!"

Demikian natijah integriti dan etika yang mendarah daging. Kekayaan dan habuan kebendaan lain tidak berjaya menyalahkan kekuatan dalaman yang terbina menerusi persekitaran dan pendidikan jiwa. Itulah sebabnya Islam cepat berkembang malah menjadi kuasa besar dunia dalam tempoh singkat.

Integriti dan etika memang mudah diucapkan. Dalam setiap disiplin ilmu, aspek etika memang menjadi satu komponen silibus pada peringkat pengajian tinggi. Etika profesional adalah kursus wajib bagi pelajar perubatan, kejuruteraan, perakuan dan perundangan. Etika juga adalah salah satu teras dalam disiplin ilmu falsafah. Paling ketara, etika dan integriti

adalah salah satu asas agama, biarpun diungkapkan dengan istilah lain. Dalam ajaran Islam misalnya, aspek integriti dan etika diamalkan menurut ketetapan syariah dan dilatih menerusi tasawuf membabitkan latihan penyucian rohani.

Rasuah dan penyelewengan dalam konteks perundangan membabitkan sogokan, pemberian dengan tujuan menguntungkan pihak pemberi dari segi pemberian tender, kemudahan, pangkat dan sebagainya. Tetapi penyelewengan dalam konteks beragama turut membabitkan amalan mungkar seperti tidak menunaikan amanah keinsanan seperti tidak menghormati ibu bapa, mencemarkan alam sekitar, menyakiti jiran atau tidak mendirikan solat berjemaah.

Benarlah pandangan Perdana Menteri bahawa integriti dan etika sukar diajar. Kesukaran yang dimaksudkan itu, pada hemat saya, merujuk kepada aspek pemahaman yang kemudian disusuli penghayatan. Realitinya membangunkan modal insan yang berintegriti dan beretika memang sukar apatah lagi jika hanya menggunakan 'on-side-in paradigm'. Tambah sukar lagi jika skop serta definisi integriti dan etika itu hanya dihadkan kepada aspek material dan hubungan sesama manusia saja.

Prof Datuk Dr Zaini Ujang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM aktif dalam kegiatan sukarela berkaitan pembangunan modal insan bersepadu